

Saya memperkenalkan konsep terbuka kerana ia menjadi keadaan semulajadi ayam kampung, reban yang selesa dan keadaan yang tidak membenarkan berlakunya pemangsaan

Lalui pelbagai ujian

PENTERNAKAN ayam kampung baka kacukan bukan sesuatu yang mudah bagi Soh Ah Pin.

Kejadian banjir beberapa tahun lalu telah memusnahkan hampir 10,000 ekor anak ayamnya.

Dia yang mendapatkan baka Thailand di beberapa syarikat di Bukit Mertajam terpaksa berulang alik ke Pulau Pinang untuk mendapatkan bekalan anak ayam.

Ketika ditanya kemungkinan untuk menghasilkan baka sendiri pada masa akan datang, Ah Pin memberitahu, dia pernah bercadang berbuat demikian tetapi kos penghasilan agak mahal hingga mencecah RM3 juta.

Dia juga terpaksa belajar sendiri untuk mengusahakan ternakan ayam kampung memandangkan ramai pengusaha enggan berkongsi

kepakaran dan pengalaman atas faktor keselamatan.

“Tidak semua pengusaha membenarkan orang ramai masuk ke ladang mereka atas faktor keselamatan dan kesihatan ternakan.

“Saya memperkenalkan konsep terbuka kerana ia merupakan keadaan semulajadi ayam kampung, reban yang selesa dan keadaan yang tidak membenarkan berlakunya pemangsaan,” ujarnya.

Menurutnya, ayam diletakkan dalam reban yang suhunya dikawal secara semulajadi memandangkan anak ayam memerlukan keadaan panas dengan membiarkan bilangan yang agak banyak dalam satu-satu kawasan.

Bagi mengelakkan pemangsaan, anak ayam yang berumur sehari atau dua hari akan dibakar di bahagian

hujung paruh.

Seekor ayam jantan yang sedia untuk dipasarkan mempunyai berat antara 2.5 kilogram hingga 3.5 kilogram atau berumur antara 80 hari hingga 90 hari. Ayam betina pula bersaiz antara 1.7 kg dan 2.5 kg berumur 90 hari.

Ayam tersebut dijual pada harga RM14 hingga RM15 sekilogram.

Bagaimanapun ayam terbabit selalunya dijual sebelum tempoh 90 hari bagi mengelakkan kos meningkat.

Menurut ah Pin, pada mulanya dia juga menghadapi masalah untuk memasarkan ayam tersebut.

Pernah satu ketika dia terpaksa menjual beratus-ratus ekor ayam saya secara lelong kerana kecewa seorang pembeli di Bahau enggan membeli ayamnya.

Tindakannya itu menyebabkan harga ayam di kawasan itu terjejas yang akhirnya mendorong peraih berkenaan bersetuju menjadi pembeli.

Ketika ini dia memasarkan ayam ke Johor Bahru, sekitar Melaka dan Bahau di Negeri Sembilan.

Ditanya bagaimana jika seseorang itu mahu menceburi industri penternakan ayam katanya : “Periksa pasaran dulu sejauh mana kita boleh masuk. Ini kerana jika kita ternak sahaja lepas itu tidak ada pembeli, ia satu masalah.

“Kita kena bermula kecil kecilan dulu , 2,000 atau 3,000 ekor dan carilah pasaran.”

Apatah lagi katanya, harga makanan ayam kini melambung yang meningkatkan kos projek.

Katanya, dia menerima bekalan baka ayam 20,000 ekor setiap minggu dan mampu menjual antara 700,000 hingga 800,00 ekor sebulan.

Dia kini boleh berbangga pelaburan ternakan ayam tersebut kini mencecah RM5 juta.

SOH Ah Pin menunjukkan ayam kampung kacuk yang diternakinya.